

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' FAHARIYAH BINTI HJ MD  
NORDIN**

**TARIKH : 04 DISEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO. 24**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah persediaan dan hala tuju MAHB dalam merangka penerbitan REIT Lapangan Terbang Pertama di dunia dan apakah REIT ini ianya tidak memberi impak kepada Caj Perkhidmatan Penumpang Penerbangan (PSC).

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kewangan akan menentukan hala tuju pelaksanaan Airport REIT melalui perbincangan lanjut bersama institusi kewangan, MAHB dan Kementerian Pengangkutan serta agensi yang berkaitan. Mekanisme pelaksanaan akan dimuktamadkan setelah kesemua aspek termasuk impak kepada Caj Perkhidmatan Penumpang Penerbangan (PSC) diperhalusi.
2. Menurut Kementerian Kewangan, selaras dengan Ucapan Belanjawan 2019 pewujudan Real Estate Investment Trust Lapangan Terbang (Airport REIT) akan dilaksanakan selepas rundingan semula Perjanjian Operasi (OA) di antara Kerajaan dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) serta kajian berkenaan pelaksanaan model Regulated Asset Based (RAB) oleh pihak Khazanah Nasional Berhad dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) selesai dimuktamadkan.
3. Keputusan ini adalah juga selaras dengan keputusan Jemaah Menteri. Kerangka dan mekanisme berkaitan penubuhan Airport REIT ini akan dibincangkan secara terperinci kelak oleh pihak Kementerian Kewangan, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Ali, MAHB dan lain-lain Kementerian/agensi yang berkaitan.
4. Sebagai persediaan, MAHB telah melantik perunding bagi memberi khidmat rundingcara mengenai model Airport REIT dan langkah-langkah yang bakal diambil bagi tujuan tersebut termasuk persediaan penyediaan model RAB. Khazanah Nasional Berhad iaitu pemegang saham terbesar MAHB telah pun memulakan kajian dan akan memuktamadkan model RAB setelah mendapat ulasan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dengan mengambil kira pemilikan aset dan hartanah di lapangan-lapangan terbang bagi tujuan penerbitan Airport REIT tersebut.